

B B496 AAB
MAHATHIR - FORMULA R'R'R'R'

KOTA KINABALU, 24 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PETANG INI KETIGA-TIGA PARTI PBS, BERJAYA DAN USNO TELAH BERSETUJU PADA DASARNYA TERHADAP SATU FORMULA KERJASAMA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DI SABAH.

FORMULA YANG DIJANGKA MELAHIRKAN KERAJAAN CAMPURAN ITU AKAN DIPUTUSKAN DALAM SATU MESYUARAT YANG AKAN DIADAKAN DI KUALA LUMPUR MINGGU INI SELEPAS SEMUA PARTI MEMBINCANGKANNYA SESAMA SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP MASALAH POLITIK YANG BERLAKU DI SABAH ITU DAPAT DISELESAIKAN SECEPAT MUNGKIN DAN MENGHASILKAN KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI. -- BERNAMA
1740MST 24 03 86